



SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA
MENTERI DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGUATKUASAAN AKTA KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) (NO. 2) 2023, AKTA KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) (NO. 2) 2023 DAN AKTA KESIHATAN MENTAL (PINDAAN) 2023 UNTUK MENYAHJENAYAH KESALAHAN CUBAAN BUNUH DIRI

(DECRIMINALISATION OF ATTEMPTED SUICIDE)

PUTRAJAYA, 10 September 2025 – Pada tahun 2023, Kerajaan MADANI telah membentangkan tiga rang undang-undang (RUU) di Parlimen, yang diluluskan pada tahun yang sama, iaitu **RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023, RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 dan RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023**, yang bertujuan menyahjenayah kesalahan cubaan bunuh diri (*decriminalisation of attempted suicide*) di Malaysia.

RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 memansuhkan seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan bahawa seorang yang cuba membunuh diri boleh didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga satu tahun pemenjaraan atau dengan denda atau kedua-duanya sekali. Selain itu, sebagai langkah susulan terhadap usaha ini, RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 memperkenalkan **Pegawai Intervensi Krisis (PIK)**, yang terdiri daripada **pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat**. Menerusi pindaan ini, PIK diberikan kuasa yang sewajarnya untuk bertindak di bawah seksyen 11 Akta Kesihatan Mental

2001 [Akta 615] apabila berlakunya sesuatu cubaan untuk membunuh diri. Kuasa ini antara lain **bertujuan membawa seorang yang telah cuba membunuh diri ke hospital psikiatri** untuk pemeriksaan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta 615.

Dari sudut pelaksanaan, **PIK boleh membawa individu ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan terdekat yang telah diwartakan untuk tujuan penilaian dan rawatan awal**. Dalam hal ini, **KKM** juga sedang dalam peringkat akhir mewartakan hampir semua hospital **KKM** serta dua hospital universiti sebagai hospital psikiatri kerajaan, yang melibatkan sebanyak **145 buah hospital** yang boleh menerima rujukan PIK termasuk bagi kes di kawasan pedalaman. Manakala latihan khusus berkenaan pengurusan individu tersebut oleh PIK juga akan dimulakan dalam masa terdekat bagi memastikan pelaksanaan yang seragam di seluruh negara.

Sejak ketiga-tiga RUU ini diluluskan di Parlimen pada tahun 2023, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta semua agensi-agensi pelaksana telah bekerjasama dan menyediakan **Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedures—SOP)** baharu berhubung pelaksanaan kuasa-kuasa PIK di bawah seksyen 11, Akta 615 untuk menyelaraskan usaha tindakan awal (*first response*) oleh PIK apabila berlakunya cubaan bunuh diri pada masa hadapan.

Sebagai pelengkap kepada usaha menyahjenayah kesalahan cubaan bunuh diri di Malaysia, Kerajaan MADANI telah pada hari ini, iaitu sempena **Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia (World Suicide Prevention Day) 2025**, menguatkuasakan **Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023**, **Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023** dan **Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023**.

Pada masa yang sama, BHEUU JPM ingin menegaskan bahawa **kesalahan bagi persubahatan bunuh diri (*abetment of suicide*)** masih

dikekalkan dan kesalahan persubahatan percubaan membunuh diri (*abetment of attempted suicide*) diperkenalkan di bawah seksyen 306 Akta 574 dan seterusnya dibezakan berdasarkan kategori orang yang dihasut untuk melakukan tindakan-tindakan yang berkaitan (*abetment of suicide or attempted suicide of child or person who lacks mental capacity*) di bawah seksyen 305 Akta 574. Fokus utama kesalahan ini adalah melibatkan **golongan kanak-kanak dan golongan kurang keupayaan mental** kerana golongan ini adalah terdedah kepada situasi di mana mereka **mudah dipengaruhi dan dimanipulasi (*vulnerable groups*)** oleh seorang pelaku.

Kerajaan menyeru agar semua pihak berganding bahu dalam **memupuk empati dan memastikan akses yang mudah kepada rawatan dan sokongan** bagi individu yang berdepan dengan krisis kesihatan mental. Sesiapa sahaja yang berhadapan dengan masalah kesihatan mental boleh menghubungi **Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental iaitu Talian HEAL di 15555** untuk mendapatkan bantuan.

Adalah menjadi harapan Kerajaan MADANI bahawa reformasi undang-undang ini akan menjadi **anjakan besar dalam usaha mencegah cubaan bunuh diri** di Malaysia dengan **menggalakkan mereka yang terkesan daripada kesihatan mental untuk tampil ke hadapan bagi mendapatkan bantuan, menghapuskan stigma** terhadap cubaan bunuh diri dan seterusnya **menurunkan kadar kematian akibat membunuh diri**. Pendekatan mengutamakan kepentingan kesihatan awam adalah selari dengan hasrat pimpinan Kerajaan yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, selaras dengan tekad membangunkan Malaysia MADANI ke arah menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera daripada semua aspek, termasuklah kesihatan mental.

**DIKELUARKAN BERSAMA OLEH:
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA
MENTERI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

